

# Khairul Hafiz beraksi di Universiade

**KUALA LUMPUR 7 Julai** - Setelah lebih tujuh bulan tidak menyertai sebarang kejohanan kompetitif, Raja Pecut Sukan SEA 2017, Khairul Hafiz Jantan bakal melakukan penampilan pertama pada Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Napoli, Itali esok.

Kejohanan terakhir yang disertai atlet berusia 20 tahun itu ialah Kejohanan Terbuka Innotex-Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada November 2018, di mana atlet itu meraih emas dengan catatan 10.55 saat (s) pada final, sebelum memulakan rawatan dan proses pembentukan fizikal bersama pakar Institut Sukan Negara (ISN).

Harapan jurulatihnya, Mohd Poad Md Kassim adalah untuk melihat anak didiknya kembali mendapatkan rentak larian, dengan mencatatkan masa di bawah 10.40s, dalam usaha mempertahankan pingat emas Sukan SEA.

“Temasya ini (Universiade) penting baginya untuk tanam keyakinan sebab dah lama tak lari. Saya harap Khairul dapat serap segala keadaan semasa pada pertandingan, terutamanya temasya besar seperti Universiade,” katanya kepada Bernama.

Walaupun Mohd Poad tidak mengikuti Khairul Hafiz ke Itali, beliau tetap mengharapkan keputusan dan prestasi terbaik buat anak buahnya yang kini menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Atlet kelahiran Merlimau itu, yang mempunyai catatan peribadi terbaik 10.18s dicatatnya pada Sukan Malaysia



**KHAIRUL HAFIZ JANTAN**

Sarawak 2016, yang juga merupakan rekod kebangsaan, perlu kembali mendapatkan rentak sebelum Sukan SEA Filipina yang dijadualkan bermula 30 November ini sekiranya mahu mempertahankan gelaran Raja Pecut Asia Tenggara.

Khairul Hafiz sudah pasti menerima saingan sengit daripada juara dunia bawah 20 tahun, Lalu Muhammad Zohri, 18, yang mencatatkan 10.03s pada kejohanan Golden Grand Prix Osaka, Mei lalu, sekiranya Indonesia membenarkan atlet itu menyertai Sukan SEA kerana fokus utamanya adalah Kejohanan Dunia di Doha pada Oktober dan Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Catatan terbaik Khairul Hafiz bagi 2018 ialah 10.28s yang dilakukannya pada Kejohanan Kebangsaan Besigheim, Julai tahun lalu. - BERNAMA